



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 01 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBPJ MPS / DBKL	• CALL FOR IMPROVED FACILITIES • JALAN KEPONG FLYOVER LACKS MAINTENANCE DUE TO JURISDICTION ISSUES
2.	BERITA HARIAN	MPHS DBKL	• MPHS KELUAR KOMPAUN PREMIS MAKANAN KOTOR • 4 GERAJ WARGA ASING DISITA

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• AZALINA DIPILIH PRESIDEN AKADEMI ANTIRASUAH ANTARABANGSA
2.	HARIAN METRO	• MALAYSIA NEGARA RAKAN BAHARU BRICS PERKUKUH KEDAULATAN KEWANGAN • BELI RUMAH DENGAN ILMU • USAH JERAT DIRI SENDIRI • SSPA PERSARA NIKMATI MANFAAT, PENCEN DISELARASKAN
3.	BERITA HARIAN	• DEEPAVALI DIHARAP SEMARAKKAN SEMANGAT JUANG PELBAGAI KAUM • TIADA LEBIH MASA UNTUK PELESENAN MEDIA SOSIAL • PESARA TERIMA MANFAAT PELARASAN PENCEN SSPA • 2 INDIKATOR TENTUKAN NILAI AMBANG PENDAPATAN RAKYAT • BERI KUASA UNIT INTEGRITI BERTINDAK TANPA ADA SEKATAN • GARIS PANDUAN URUS RISIKO PSIKOSOSIAL TINGKAT KESEJAHTERAAN MENTAL PEEKERJA • 60 PERATUS RAKYAT GUNA AI DALAM URUSAN KERJA, PERIBADI
4.	UTUSAN MALAYSIA	• MASYARAKAT INDIA TERIMA PELBAGAI PERUNTUKAN • RINGGIT DIUNJUR CATAT PENURUNAN BULANAN TERBURUK SEJAK 2015
5.	NEW STRAITS TIMES	• PM CALLS FOR UNITY, JUSTICE IN DEEPAVALI MESSAGE
6.	THE SUN	• RON97, RON95, DIESEL PRICES UNCHANGED

Star 1/11 (MPS) * (DBKL)

Jalan Kepong flyover lacks maintenance due to jurisdiction issues



Yee (in blue shirt) pointing towards the line indicating split boundaries on the flyover.

By MEGAT SYAHAR
megatsyahr@thestar.com.my

LACK of maintenance on a flyover along Jalan Kepong due to jurisdiction issues poses a problem to motorists.

The flyover is located near the Jalan Development intersection in Kuala Lumpur.

"This flyover is located at jurisdictional boundaries between Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Public Works Department (JKR) and Selayang Municipal Council (MPS)," said Kepong social activist Yee Poh Ping.

"I found out that part of its maintenance comes under MPS when DBKL only carried out road paving and infrastructure

maintenance on its side of the flyover."

He said several trees along the flyover were in need of landscaping work.

Yee said this during a press conference attended by engineers from JKR and MPS. No representative from DBKL was present.

JKR assistant engineer Mohd Nazir Ahmad Lasim said a meeting involving all the relevant government agencies will be held on Nov 21.

"The meeting will be held to iron out issues, following which JKR will be taking full responsibility for the maintenance of the flyover," he said.

"However, we will only be responsible for trees along the

flyover if they fall."

Mohd Nazir added that the flyover road would be paved as soon as possible.

Meanwhile, MPS engineer Ahmad Fathin Zainal said its Landscape Department would undertake landscape maintenance at the site.

Yee also said water would pool underneath the flyover when it rained heavily.

"Since JKR said the flyover will come under their purview, I hope they will send their officers to inspect the water ponding and drainage system here and carry out some improvements.

"We want the relevant authorities to take responsibility and work together for the benefit of the people," he said.

THE STAR

Tarikh: 01 NOV 2024

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

84ar (MBPJ)
1/11

Call for improved facilities

Hawkers in Petaling Jaya's Damansara Damai park want direct access, better amenities at trading space

BETTER access and facilities are needed to draw more visitors to the Peoples Park in Damansara Damai, says traders there.

Persatuan Peniaga Vista Damansara Damai secretary Hairin Mohd Anis said that one of the major problems affecting them was traffic flow to the park in Petaling Jaya, Selangor.

The park, also known as Urban Park 1, is on Jalan PJU10/1 in the section that is a one-way loop (see graphic).

"Visitors have to leave their vehicles at Damansara Damai Community Hall parking area and walk to the park.

"However, motorists on the outer lane cannot access the parking site directly because of a road divider across from the community hall entrance.

"They have to make a loop to access the inner lanes.

"Such an inconvenience has caused a loss of customers for many traders," claimed Hairin, who sells banana fritters.

A check by *StarMetro* showed that motorists would have to make a 1.5km loop to return to the said entrance.

Hairin also urged Petaling Jaya City Council (MBPJ) to instal signboards along Jalan PJU10/1 to better direct visitors to the park.

MBPJ recently announced a RM900,000 allocation to upgrade



Tables and chairs at the park's trading space set up by traders, with no shelter to protect visitors from the elements. — LEW GUAN XI/The Star

the park in its 2025 budget.


Hairin along with pineapple juice seller Mukhlis Rosyam, 29, urged the city council to consider placing proper tables and chairs in the park for visitors.

"The existing tables and chairs are from the traders themselves.

"If MBPJ placed more tables

and chairs here, more visitors could hang out in the park after buying food and beverages from our stalls, especially in the evening," said Hairin.

"While we are not insisting, it would be nice if MBPJ could build a shelter over the tables and chairs to protect visitors



from the elements."

Hairin also urged MBPJ to instal more lights in the park to make it safer at night.

Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samington said that the upgrade, expected to begin next year, would include improved

basic facilities and infrastructure such as toilets, drains and roads.

"This is in line with MBPJ's efforts to enhance its focus on local council's basic function, which is to provide facilities and services for the public," he said at an MBPJ Deepavali event.

THE STAR

01 NOV 2024

Tarikh:.....

Azalina dipilih Presiden Akademi Antirasuah Antarabangsa

PUTRAJAYA - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dipilih sebagai Presiden Sesi ke-13 Perhimpunan Akademi Antirasuah Antarabangsa (IACA), menandakan kali pertama Malaysia memegang jawatan presiden badan antirasuah global itu.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan menyifatkan pemilihan sebulat suara Azalina pada perhimpunan IACA di Vienna pada Rabu itu sebagai pencapaian bersejarah yang mengukuhkan komitmen negara memerangi rasuah.

Kementerian itu juga merakamkan penghargaan atas kepercayaan dan sokongan

padu diberikan anggota IACA atas pemilihan Azalina.

Menurutnya, ia mencerminkan pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap komitmen Kerajaan Madani dalam usaha memerangi rasuah dan keyakinan terhadap kepimpinan Azalina dalam pembaharuan undang-undang serta tadbir urus.

"Malaysia kekal komited bekerjasama erat dengan IACA dan rakan perkongsian strategik dalam memacu agenda antirasuah serta menegakkan prinsip keadilan dan tatakelola baik di peringkat antarabangsa," menurut



AZALINA

kenyataan itu.

Sejak IACA ditubuhkan pada 2011 di Austria, ia berperanan sebagai pusat kecemerlangan dan penyelidikan antarabangsa bagi pembanteras rasuah, selain pusat latihan utama kumpulan profesional terutama kalendar

ngan agensi pencegahan rasuah. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memainkan peranan aktif dalam IACA dan pernah memegang jawatan Naib Presiden Perhimpunan Akademi Antirasuah Antarabangsa sebanyak empat kali sebelum ini.

SINAR HARIAN

Tarikh:01 NOV 2024.....

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Penyertaan rasmi Malaysia dalam Brics (Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan) sebagai negara rakan baharu dilihat bukan saja mampu memberi impak positif kepada perdagangan negara, malah mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada dolar Amerika Syarikat (AS), kata penganalisis ekonomi, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff.

Menurutnya, gabungan ekonomi besar ini menawarkan alternatif perdagangan yang akan membantu Malaysia mengurangkan risiko ekonomi akibat pergantungan terhadap mata wang tunggal, terutama apabila krisis nilai dolar AS mungkin mengancam kestabilan ekonomi global.

"Dengan mengurangkan kebergantungan pada dolar, Brics berpotensi memberikan lebih banyak kestabilan kepada negara anggotanya melalui sistem pertukaran alternatif yang berasaskan pelbagai mata wang.

"Brics yang dianggotai oleh negara besar seperti Rusia, China dan India turut menawarkan peluang pelaburan, yang lebih luas untuk Malaysia," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, penambahan Malaysia dalam BRICS juga membolehkan peningkatan Pelaburan Asing Langsung (FDI) dalam negara kerana ahli Brics cenderung untuk memfokuskan pelaburan sesama negara anggota.

Beliau berkata, peluang ini dapat memberi kesan positif kepada ekonomi



Bisnes

Dijangka naik harga

ORANG ramai membeli barangan keperluan asas ketika tinjauan di Pasar Chow Kit di ibu kota, semalam. Harga sayur-sayuran dijangka meningkat tiga kali ganda pada November dan Disember depan susulan fasa Monsun Timur Laut (MITL) yang berpotensi mengakibatkan hujan lebat dan banjir di beberapa kawasan seluruh negara.

MALAYSIA NEGARA RAKAN BAHARU BRICS

PERKUKUH KEDAULATAN KEWANGAN

Malaysia, yang mana ia dapat menambah daya saing negara melalui peningkatan kemasukan dana pelaburan baharu dalam pelbagai sektor.

"Melalui Brics, Malaysia dapat mempelbagaikan pasaran perdagangannya yang kini masih sangat bergantung pada negara utama seperti Singapura

dan Amerika Syarikat.

"Kepelbagaian ini akan membantu mengurangkan risiko ekonomi, jika salah satu negara utama mengalami masalah ekonomi yang serius," katanya.

Ahmed Razman berkata, melalui

platform BRICS, Malaysia juga boleh menjalin hubungan perdagangan lebih erat dengan negara dari Asia Barat, Afrika dan Amerika Latin, sekali gus membuka peluang kepada produk dan perkhidmatan

**Brics
tawarkan peluang
pelaburan lebih luas
untuk Malaysia**

tempatan menembusi pasaran baharu.

"Inisiatif Brics dalam memperkenalkan sistem perdagangan bebas dolar juga menarik bagi negara yang ingin memperkukuh kedaulatan kewangan masing-masing.

"Selain itu, kesan ke atas peniaga Malaysia juga dijangka positif, memandangkan platform ini dapat memberi mereka akses lebih mudah kepada negara berpotensi untuk menjalin perdagangan yang lebih inklusif," katanya.

Katanya, Brics juga menyediakan platform untuk negara anggota berdagang dalam mata wang masing-masing atau dalam mata wang rakan anggota yang stabil, menjadikannya pilihan menarik untuk perdagangan jangka panjang.

FOTO ARKIB NSTP & IHSAN SHAHID KARIM

JADIKAN hartanah sebagai
pelaburan atau disewakan.



FOKUS

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Membeli rumah tidak mengikut kemampuan antara kesilapan dilakukan golongan muda pada hari ini.

Ini kerana ramai golongan terbabit membeli rumah mengikut kelayakan yang ditetapkan bank tetapi sebenarnya mereka tidak mampu membayar ansuran bulanan.

Sebaiknya anak muda jangan membeli rumah yang ansuran bulannya lebih 40 peratus daripada pendapatan bulanan.

Pengasas One Dream Legacy Shahid Karim berkata, kesilapan itu menyebabkan golongan berkenaan terjatuh dengan komitmen bulanan rumah yang tinggi dan akhirnya tidak berkemampuan untuk membayarnya.

"Seterusnya akan merisikokan mereka kepada bankrap kerana gagal untuk membayar semula pinjaman perumahan."

BELI RUMAH DENGAN ILMU

Golongan muda harus tahu tujuan belian kediaman pertama, jadikan ia pelaburan atau disewakan

"Sekiranya berlaku (muflis), mereka terpaksa berhadapan satu lagi kesukaran untuk keluar daripada senarai bankrap kerana memerlukan proses dan masa yang panjang," katanya.

Menurutnya, kesilapan golongan muda yang seterusnya ialah membeli rumah pertama untuk menetap. Sekiranya mereka membeli hartanah dengan ilmu, maka akan menjadikan kediaman itu sebagai pelaburan atau disewakan.

"Contoh membeli rumah mampu milik pada usia 25 tahun dengan harga RM150,000."

"Kajian menunjukkan harga rumah akan meningkat antara lima hingga 15 peratus setiap tahun."



BELI rumah mengikut
kemampuan.

DARI MUKA 33

"Dalam jangka masa empat hingga lima tahun, harga rumah ini boleh meningkat antara RM50,000 hingga RM80,000, bergantung kepada jenis kediaman dan lokasi.

"Apabila menjual rumah ini, mereka boleh mendapat keuntungan daripada hasil penjualan berkenaan yang boleh digunakan untuk pelaburan lain dan pasti dapat mengubah kehidupan golongan muda terbabit," katanya.

Shahid berkata, tidak membayar komitmen bulanan mengikut jadual ditetapkan juga kesilapan biasa dilakukan golongan muda.

"Kelewatan membayar komitmen ini menjejaskan skor kredit dan akan diberikan kadar faedah tinggi dalam pembiayaan pinjaman perumahan.

"Lazimnya kadar itu lebih 0.5 peratus daripada kadar faedah biasa yang diberikan kepada peminjam mempunyai skor kredit baik.

"Walaupun hanya 0.5 peratus tetapi bagi tempoh pinjaman selama 35 tahun, akan memberi kesan besar kepada jumlah keseluruhan pembiayaan ini.

"Contoh, perbezaan bayaran bulanan RM100 setahun menjadi RM1,200 jika 10 tahun (RM12,000) dan 35 tahun bersamaan RM42,000," katanya.

Tambahnya, kesilapan lain adalah tidak mengkaji pasaran sewa dan perkara ini penting kerana selalunya golongan muda membeli rumah kerana mengikut saranan ejen atau pemaju.

"Sedangkan mereka kena mengkaji sendiri sama ada menerusi buku atau media sosial.

"Ini dapat mengelakkan



Kajian menunjukkan harga rumah akan meningkat antara lima hingga 15 peratus setiap tahun

SHAHID KARIM

mereka daripada kesilapan dalam membuat keputusan memilih hartanah supaya dapat menjana pendapatan," katanya.

Jelasnya, kesilapan terakhir golongan muda membeli rumah ialah tidak mempunyai wang simpanan dan ramai yang mengalaminya.

"Saya jumpa ramai orang muda mahu membeli rumah tetapi memilih pembiayaan penuh, di samping mahu mendapat pulangan tunai.

"Tiada simpanan bermakna tidak mempelajari cara menyimpan wang dan ini akan membebankan mereka untuk membayar kerana pembiayaan rumah adalah komitmen tinggi

GOLONGAN muda perlu ada ilmu sebelum membeli hartanah.



USAH JERAT DIRI SENDIRI

Pembeli harus ikut kemampuan, bukan sekadar kelayakan diberikan bank hingga memudaratkan kewangan

TIDAK mampu membayar pembiayaan perumahan boleh menyebabkan muflis.

MUFLIS

dalam tempoh panjang," katanya.

Katanya lagi, mereka melakukan kesilapan itu kerana tiada bimbingan, kurang membaca dan tiada pendedahan daripada kecil.

"Tidak ramai ibu bapa mendidik anak mereka untuk membeli rumah sebagai aset dan pelaburan.

"Rumah dijual apabila harga pasarnya meningkat dan

keuntungan daripada jualan ini boleh dikembangkan untuk pelbagai pelaburan lain.

"Bagi rumah disewakan, bayaran sewa dianggap pendapatan yang dapat meningkatkan kelayakan membeli rumah lain," katanya.

Shahid menyarankan supaya golongan muda perlu mempunyai ilmu asas hartanah sebelum membeli rumah bagi

mengelakkan sebarang kesilapan.

"Mereka hendaklah mencari ilmu sebelum membuat keputusan membeli rumah kerana ia membabitkan tempoh pembiayaan yang panjang bagi mengelakkan terbeban.

"Paling penting ialah membeli hartanah mengikut kemampuan, jangan ikut orang lain," katanya.

Pesara nikmati manfaat, pencen diselaraskan

Marang: Pesara kerajaan bakal menerima manfaat daripada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) apabila pencen yang mereka terima akan diselaraskan, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Beliau berkata, pelarasan itu akan menambah peratusan pencen diterima pesara menerusi persetujuan oleh kerajaan sekali gus membolehkan kumpulan itu menikmati kenaikan seperti diperoleh penjawat awam yang masih berkhidmat.

"Pelarasan pencen ini memang dilaksanakan setiap kali terdapat sistem saraan baharu. Bukan hanya mereka yang dalam perkhidmatan yang akan mendapat manfaat, sebaliknya pesara juga akan merasakannya.

"Namun bagi mereka yang memilih untuk kekal dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan kemudian akan menerima pencen pada tahun hadapan, pengiraan pencen adalah berdasarkan gaji akhir SSM.

"Sementara bagi yang memilih opsi SSPA, pengiraan pencen akan berdasarkan gaji akhir SSPA iaitu selepas pelarasan Disember ini," katanya selepas menyantuni dua pesara kerajaan Persekutuan di sini, kelmarin.

Wan Ahmad Dahlan yang menyeru penjawat awam untuk memilih SSPA sebelum tempoh opsi berakhir 30 November ini turut menjelaskan mereka yang memutuskan untuk kekal dengan SSM tidak akan dinafikan hak pencen mereka ketika bersara kelak namun tidak akan mendapat pelarasan gaji Disember nanti.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar



Pengiraan pencen akan berdasarkan gaji akhir SSPA iaitu selepas pelarasan Disember ini"

Wan Ahmad Dahlan

Ibrahim pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 2024 Ogos lepas berkata, pesara dan penerima pencen terbitan akan menerima pelarasan pencen sama dengan kenaikan peratusannya yang dinikmati penjawat awam yang sedang berkhidmat, melalui dua fasa.

Menyentuh mengenai program lawatannya itu, Wan Ahmad Dahlan berkata ia membuktikan komitmen kerajaan yang tidak pernah mengabaikan pesara, terutama ketika golongan itu berdepan pelbagai permasalahan seperti kesihatan dan kewangan.

"Insya-Allah program ini akan diteruskan untuk pastikan hasrat Perdana Menteri yang mahu kemiskinan ditangani dengan tuntas dan boleh dilaksanakan sebaik mungkin. Bagi pesara pula, walaupun tidak lagi berkhidmat, jasa mereka tetap dihargai kerajaan," katanya.

- Bernama



Peti sejuk tempat menyimpan makanan kotor dan tercemar. (Foto ihsan MPHS)

MPHS keluar kompaun premis makanan kotor ^{BH 1/11} (MPHS)

Hulu Selangor: Pembiakan jentik-jentik, lipas dan telur ayam tidak dibersihkan dengan sempurna dikesan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dalam pemeriksaan di dua premis makanan di Batang Kali, di sini, Isnin lalu.

MPHS berkata, operasi bersepadu itu dijalankan Bahagian Inspektorat Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bersama Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Bangunan dan Jabatan Pelesenan.

Beliau berkata, operasi melibatkan 21 anggota bagi me-

riksa tahap kebersihan premis.

"Hasil pemeriksaan mendapati berlaku pencemaran dalam peti sejuk untuk menyimpan bahan masakan, pengendali makanan tidak memakai kasut bertutup, dinding berhabuk dan bersawang.

"Premis terbabit juga gagal melaksanakan kawalan haiwan perosak yang berdaftar dengan Lembaga Racun Malaysia dan beberapa kesalahan lain berkaitan kebersihan premis makanan di bawah piawaian MPHS," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Susulan daripada pemerik-

saan itu, MPHS memaklumkan sudah mengambil tindakan tegas dengan mengeluarkan tiga kompaun mengikut Undang-undang Kecil (UUK) 9, UUK 34 dan UUK 19 (1)(d) dan satu Notis Arahan Penutupan di bawah UUK 62, UUK Establisymen makanan 2007.

"Tindakan tegas ini diharap memberi amaran kepada pemilik dan pengendali premis makanan lain untuk memastikan kebersihan dan keselamatan makanan di premis mereka sentiasa dijaga demi kesejahteraan pengguna," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh.....0.1...NOV..2024....



Antara empat gerai penjaja dipercayai milik warga asing di Jalan Kepong Lama berhampiran Pasar Jalan Ipoh, Kuala Lumpur disita oleh DBKL, semalam. (Foto FB DBKL)

4 gerai warga asing di sita Bt 1/11 (DBKL)

Kuala Lumpur: Empat gerai penjaja dipercayai milik warga asing di Jalan Kepong Lama berhampiran Pasar Jalan Ipoh, di sini, disita dalam satu operasi dijalankan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kelmarin.

Operasi dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan DBKL bersama Pejabat DBKL Cawangan Batu.

"Tindakan khas dijalankan terhadap penjaja warga asing di sekitar

Jalan Kepong Lama berhampiran Pasar Jalan Ipoh dan hasil daripada tindakan khas itu, sebanyak empat gerai penjaja warga asing dikenakan tindakan sita serta-merta.

"Sitaan dijalankan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016," katanya dalam kenyataan di Facebook, semalam.

Katanya, semua barangan yang

disita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras di sini, untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

"Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang sudah dikenal pasti.

"Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh.....01...NOV..2024..

'Deepavali diharap semarakkan semangat juang pelbagai kaum'

BH 1/11

PM ajak semua pemimpin, rakyat berganding bahu bawa negara ke arah masa depan lebih baik

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak semua pemimpin dan rakyat untuk sama-sama berganding bahu membawa Malaysia ke arah masa depan yang lebih baik.

Perdana Menteri berkata, jika ada sebarang kelemahan atau kekurangan dalam pentadbiran kerajaan, rakyat perlu memberitahu kepada menteri dan pemimpin supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan.

Sempena sambutan Deepavali semalam, beliau berharap ia memberi ruang kepada rakyat pelbagai kaum menyemarakkan semangat perjuangan.

"Kita tahu semangat Deepavali

ini menyemarakkan lampu cahaya menggantikan kegelapan.

Kita tahu sambutan ini tujuannya untuk nyatakan hidup ini lebih daripada sekadar makan minum, kesejahteraan bersama tapi untuk teruskan perjuangan ke arah kebaikan, keadilan dan masa depan yang lebih baik," katanya.

"Semoga semangat Deepavali memberi ruang kepada kita untuk membawa Malaysia ke arah cahaya yang lebih gemerlapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali MADANI 2024 anjuran Kementerian Digital di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Digital, Gobind Singh Deo serta beberapa Menteri Kabinet.

Gembira pelbagai kaum hadir
Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, beliau gembira dengan kehadiran pelbagai kaum pada majlis berkenaan.

"Cahaya datang selepas kegelapan dan kita sebagai sebuah negara yang bermasyarakat majmuk turut merayakan Deepavali serta pelbagai perayaan lain," katanya.



Anwar bersama Ahmad Zahid dan Gobind pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali MADANI 2024 anjuran Kementerian Digital, di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aswadi Allas/BH)

BERITA HARIAN
Tarikh... 01 NOV 2024

'Tiada lebih masa untuk pelesenan media sosial'

BAH 1/1

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak boleh memberikan lebih masa untuk pelesenan media sosial dalam usaha menangani jenayah di

platform berkenaan, termasuk pedofilia dan aktiviti penipuan, tegas Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Fahmi yang juga Jurucakap Kerajaan Perpaduan, berkata isu keselamatan rakyat, terutama kanak-kanak dan keluarga di media sosial yang semakin berleluasa tidak boleh dikompromi.

"Pihak Meta meminta lebih banyak masa untuk membanteras kumpulan-kumpulan di akaun media sosial, tetapi sejujurnya, kita (kerajaan) tidak boleh memberikan lebih masa.

"Kita menerima aduan daripada orang awam mengenai kewujudan kumpulan pedofilia dalam Facebook yang jumlahnya sudah mencecah puluhan ribu orang kerana beroperasi bertahun-tahun lamanya.

"Jadi, saya tidak faham mengapa mereka (Meta) mahu mempertahankan kumpulan scammer dan pedofilia ini.

"Kita sudah mengarahkan supaya platform media sosial dilesenkan, jadi berikan sahaja lesen itu," katanya ketika ditemui media di Majlis Rumah Terbuka Deepavali MADANI 2024 di sini, semalam.

Fahmi mengulas hasil pertemuannya bersama wakil Meta

kelmarin, di mana beliau menegaskan syarikat itu kerana masih gagal menangani jenayah pedofilia dan pengantunan kanak-kanak (*sexual grooming*), khususnya di platform Facebook.

Beri pelbagai alasan

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, perbincangan mengenai langkah menangani jenayah pedofilia dan pengantunan kanak-kanak sudah dilakukan sejak awal tahun dan beliau sendiri sudah pergi ke Singapura untuk bertemu dengan pihak Meta.

"Untuk mengatakan kita tidak pernah berbincang dengan mereka adalah satu penipuan.

"Kita sudah berbincang dan saya sudah turun ke Singapura untuk bertemu mereka, tetapi mereka memberikan pelbagai alasan.

"Bagi saya, keselamatan rakyat Malaysia, terutama kanak-kanak dan keluarga, tidak boleh kita kompromi dalam hal ini," katanya.

Pada Ogos, Fahmi memaklumkan berdasarkan garis panduan yang dibina bersama dan mengi-

kut Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, mana-mana platform yang tidak mempunyai lesen selepas 1 Januari 2025 boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 126 akta itu.

Beliau berkata, kerajaan menegaskan pelesenan media sosial hanya terpakai untuk pengendali platform dan bukannya kepada pengguna atau pempengaruh.

Mengenai sambutan Deepavali, Fahmi berharap ia dimanfaatkan untuk merapatkan hubungan silaturahim dan ukhuwah yang telah lama terjalin antara rakyat.

Katanya walaupun terdapat perbezaan agama, fahaman dan pandangan politik, ia tidak bermaksud rakyat di negara ini tidak boleh bersatu hati.

"Kita lihat ramai daripada pelbagai kaum dan agama hadir untuk meraikan dan menyambut bersama perayaan ini dalam suasana yang harmoni, aman damai dan permai.

Inilah semangat perpaduan yang kita ingin pupuk di seluruh negara," katanya.

BERNAMA

Ibadat&Fadilat

Abu Bakrah RA meriwayatkan Nabi SAW apabila datang kepadanya suatu perkara menyenangkannya atau Baginda dibuat gembira kerananya, maka Baginda terus sujud, sebagai rasa syukur kepada Allah SWT. (HR Ibnu Majjah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:35	1:05	4:25	7:00	8:12
Alor Setar	5:55	1:04	4:25	7:00	8:11
P. Pinang	5:55	1:04	4:25	7:01	8:12
Ipoh	5:51	1:02	4:22	7:00	8:11
Kuala Lumpur	5:48	1:00	4:20	6:58	8:09
Shah Alam	5:48	1:00	4:20	6:58	8:09
Johor Bahru	5:37	12:51	4:10	6:52	8:03
Kuantan	5:42	12:54	4:14	6:53	8:04
Seremban	5:46	12:58	4:18	6:58	8:09
Bandar Melaka	5:44	12:57	4:17	6:57	8:08
Kota Bharu	5:48	12:57	4:17	6:53	8:00
K. Terengganu	5:43	12:53	4:14	6:50	8:01
Kota Kinabalu	4:52	12:01	3:22	5:58	7:09
Kuching	5:12	12:26	3:46	6:27	7:38

BERITA HARIAN

Tarikh.....01...NOV...2024...

Pesara terima manfaat pelarasan pencen SSPA

Marang: Pesara kerajaan bakal menerima manfaat daripada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) apabila pencen yang mereka terima akan turut diselaras, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Wan Ahmad Dahlan berkata, pelarasan itu akan menambah peratusan pencen diterima setiap pesara menerusi persetujuan kerajaan, sekali gus membolehkan golongan terbabit menikmati kenaikan seperti diperoleh penjawat awam yang masih berkhidmat.

"Pelarasan pencen ini memang dilaksanakan setiap kali terdapat sistem saraan baharu. Bukan hanya mereka yang dalam perkhidmatan yang akan mendapat manfaat, sebaliknya pesara juga akan merasakannya."

"Namun, bagi mereka yang memilih untuk kekal dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dan kemudian akan menerima pencen pada tahun hadapan, pengiraan pencen adalah berda-

sarkan gaji akhir SSM, sementara bagi yang memilih opsi SSPA, pengiraan pencen akan berdasarkan gaji akhir SSPA iaitu selepas pelarasan Disember ini," katanya selepas menyantuni dua pesara Kerajaan Persekutuan di sini, semalam.

Wan Ahmad Dahlan yang menggesa penjawat awam memilih SSPA sebelum tempoh opsi berakhir 30 November ini, turut menjelaskan mereka yang memutuskan kekal dengan SSM, tidak akan dinafikan hak pencen mereka ketika bersara kelak, namun tidak akan mendapat pelarasan gaji Disember nanti.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 2024 pada Ogos lalu, berkata pesara dan penerima pencen terbitan akan menerima pelarasan pencen sama dengan kenaikan peratusannya yang dinikmati oleh penjawat awam yang sedang berkhidmat, melalui dua fasa.

Menyentuh mengenai program lawatannya itu, Wan Ah-



Wan Ahmad Dahlan (tiga dari kanan) beramah mesra bersama Ahmad di kediamannya di Marang, semalam. (Foto BERNAMA)

mad Dahlan berkata, ia membuktikan komitmen kerajaan yang tidak pernah mengabaikan pesara, terutama ketika golongan itu berdepan pelbagai permasalahan seperti kesihatan dan kewangan.

"Insya-Allah program ini

akan diteruskan untuk pastikan hasrat Perdana Menteri yang mahu kemiskinan ditangani dengan tuntas dan boleh dilaksanakan sebaik mungkin. Bagi pesara pula, walaupun tidak lagi berkhidmat, jasa mereka tetap dihargai kerajaan," katanya.

Sementara itu, pesara Telekom Malaysia Berhad, Ahmad Puteh, 67, berkata keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan pesara tidak boleh dipersoalkan apatah lagi dia yang kini uzur akibat ketumbuhan dalam kepala menerima bantuan berupa kerusi roda dan lampin pakai buang dalam lawatan Wan Ahmad Dahlan ke kediamannya dekat Kampung Darat Pak Chah, Seberang Marang.

Beliau yang bersara pada 2002 selepas 30 tahun berkhidmat tidak dapat menyembunyikan perasaan gembira dan syukur apabila dimaklumkan terpilih menerima sumbangan itu yang disifatkannya sebagai penghargaan setelah lama mencurahkan keringat untuk negara.

"Terima kasih kerana mengenang jasa orang lama. Berilah sumbangan kepada pesara yang memerlukan kerana sejujurnya mereka amat-amat mengharapkannya," katanya sambil menasihatkan penjawat awam yang masih berkhidmat untuk ikhlas dalam menjalankan tugas.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh.....01 NOV. 2024.....

2 indikator tentukan nilai ambang pendapatan rakyat

Gaji RM20,000 sebulan mungkin nilai ambang T15

Keratan akhbar BH kelmarin.

Kualiti hidup, indeks kos sara hidup bantu kenal pasti golongan layak terima subsidi

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua indikator penting, iaitu kategori kualiti hidup rakyat dan indeks kos sara hidup, perlu dibangunkan kerajaan bagi menentukan nilai ambang pendapatan rakyat.

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan

Shah Zainal Abidin, berpandangan ia adalah kaedah terbaik untuk mengenal pasti golongan layak mendapat bantuan dan subsidi, susulan mereka dalam golongan T15 tidak akan menikmati subsidi petrol RON95 bermula pertengahan tahun depan.

"Melalui klasifikasi kategori kualiti hidup, ia boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kualiti hidup tinggi, sederhana dan rendah. Jadi, pengecualian bantuan dan subsidi misalnya boleh dibuat kepada mereka yang berada dalam kategori kualiti hidup tinggi.

"Pada masa sama, indeks kos sara hidup pula boleh digunakan sebagai asas untuk menjustifikasi nilai yang akan ditetapkan untuk mengkategorikan kelompok rakyat dalam kumpulan T15, sama ada RM20,000 dan sebagainya," katanya kepada BH, semalam.

Isnin lalu, Perdana Menteri,

Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan sedang mengkaji paras ambang pendapatan bagi golongan T15 daripada RM13,000 yang ditetapkan Jabatan Perangkaan ketika ini kepada RM15,000 hingga RM20,000.

Tak guna data sedia ada

Perdana Menteri berkata, ia berikutan ada pandangan yang menyatakan jumlah yang ditetapkan

kan Jabatan Perangkaan itu, terlalu rendah.

Sebelum ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata pengelasan kategori isi rumah bagi setiap peringkat tidak akan menggunakan data pendapatan isi rumah kasar sedia ada bagi tujuan pemberian subsidi, sebaliknya mengambil kira perbelanjaan asas isi rumah untuk menjalani kehidupan wajar, bergantung ke-

Melalui klasifikasi kategori kualiti hidup, ia boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu kualiti hidup tinggi, sederhana dan rendah

Irwan Shah Zainal Abidin,
Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi,
Kewangan dan Perbankan UUM



pada beberapa pemboleh ubah yang akan ditentukan.

Mengulas lanjut, Irwan Shah berkata, nilai wajar kelompok rakyat dalam T15 bergantung kepada kualiti kedudukan kewangan mereka, yang boleh dilihat dari pelbagai aspek, antaranya kemampuan aliran tunai, simpanan dan nilai aset yang dimiliki, selain tahap hutang yang ditanggung serta keupayaan untuk membayar balik hutang.

"Selain itu, akses kepada perkhidmatan asas, jaringan keselamatan sosial, sistem perlindungan sosial dan bilangan tanggungan isi rumah juga perlu diambil kira.

"Aspek berkenaan dengan jenis pekerjaan, kesepadanan gaji dengan kelayakan akademik dan risiko perniagaan yang diceburi juga perlu menjadi perkiraan untuk menetapkan nilai wajar bagi kategori T15," katanya.

BERITA HARIAN
01 NOV 2024
Tarikh.....

Beri kuasa unit integriti bertindak tanpa ada sekatan



Timbalan
Pendaftar Fakulti
Perhutanan dan
 Alam Sekitar,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Ojeh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meningkatkan amalan tadbir urus dan tatakelola baik dalam kalangan 156 pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui Sistem Penarafan Bintang PBT (SPB-PBT) dan mewajibkan penubuhan unit integriti perlu disokong sepenuhnya.

Kerajaan memperkenalkan SPB-PBT untuk menilai prestasi dan kecekapan serta melihat sejauh mana PBT memenuhi standard perkhidmatan ditetapkan, sekali gus menggalakkan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan dan mengenal pasti bidang perlu ditambah baik.

Keperluan penubuhan unit integriti seperti diarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), antara lain berfungsi memastikan tadbir urus terbaik, memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

Ia juga bertujuan supaya PBT menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan atau maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelola dan etika organisasi, selain memastikan tindakan susulan sewajarnya diambil dan melaporkannya kepada agensi penguatkuasaan.

Langkah KPKT mampu memperkasa tadbir urus PBT dan membantu negara dapat meningkatkan kedudukannya dalam ranking Indeks Persepsi Rasuah (CPI), malah akan meningkatkan keyakinan

dan kepercayaan rakyat.

Hakikatnya, PBT adalah kerajaan paling dekat dengan komuniti, mempunyai peranan dan fungsi cukup besar yakni bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir sesuatu kawasan.

Walaupun institusi ini berada pada tingkat ketiga selepas Kerajaan Persekutuan dan negeri, peranannya dalam menyampaikan perkhidmatan secara langsung dengan cepat kepada penduduk di peringkat akar umbi sangat penting.

Syor kuat kuasa hukuman serius

Oleh itu, tindakan KPKT menurunkan penarafan 12 PBT didapati tidak memenuhi kriteria berkaitan pencegahan rasuah di bawah SPB-PBT perlu disokong, sekali gus menjadi peringatan keras kepada semua PBT agar tidak memandang enteng usaha berkenaan.

Selain diberi kaunseling kepada PBT diturunkan penarafan, KPKT perlu mengambil tindakan penguatkuasaan hukuman serius terhadap pengurusan PBT yang didapati cuai melaksanakan tugas pemantauan dan pencegahan, selain dikenakan hukuman berat kepada mana-mana anggota terbahit rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Pada masa sama, tidak boleh ada sebarang kompromi dalam soal penubuhan unit integriti kerana ia entiti penting dalam menjaga dan memelihara integriti setiap PBT.

Penubuhan unit ini perlu dilihat secara positif kerana dapat membantu usaha pencegahan dan penguatkuasaan tadbir urus baik di PBT. Justeru,

pegawainya wajar diberikan kuasa secukupnya untuk bertindak tanpa sebarang sekatan dan gangguan mana-mana pihak.

Sebenarnya, kita tidak boleh lagi bertolak ansur dengan hanya mengambil tindakan pentadbiran seperti teguran dan amaran yang jelas tidak menginsafkan pelaku rasuah, justeru sudah tiba masanya hukuman berat seperti buang kerja dilaksanakan sebagai pengajaran kepada semua.

Beberapa kes dilaporkan sebelum ini menunjukkan rasuah membabitkan warga PBT agak serius lantas memerlukan tindakan penguatkuasaan dan pencegahan lebih tegas serta efektif.

Antara kes terbaharu, seorang penolong pegawai perancang bandar dihadapkan ke mahkamah disyaki meminta dan menerima suapan daripada pemilik premis perniagaan sebagai balasan tidak mengambil tindakan terhadap pemilik berkenaan.

Dalam kes lain, seorang timbalan pengarah dan lima penguat kuasa PBT dihadapkan ke mahkamah disyaki melindungi premis pelacuran serta perniagaan menggunakan 'lesen ali baba'.

Justeru, usaha mencegah dan membanteras rasuah dalam kalangan warga PBT perlu didukung pengurusan PBT, manakala masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan memantau amalan tadbir urus dan tatakelola.

Realitinya, unit integriti dengan kuasa sewajarnya dan penilaian elemen antirasuah melalui SPB-PBT mampu memperkasa perkhidmatan PBT kepada rakyat melalui amalan dan budaya tadbir urus serta tatakelola terbaik.

Garis panduan urus risiko psikososial tingkat kesejahteraan mental pekerja



Oleh Dr Ismaniza Ismail
dan Dr Mohd Faiz Md Tahir
bhrencana@bh.com.my



Ismaniza ialah
Pensyarah Kanan,
Fakulti Sains
Gunaan, Universiti
Teknologi MARA
(UITM), manakala
Mohd Faiz ialah
Pensyarah Jabatan
Psikiatri dan
Kesihatan Mental
Universiti Islam
Antarabangsa (UIA)

Kelesuan antara isu paling mempengaruhi kesihatan psikososial di tempat kerja seperti didedahkan satu laporan bahawa 58 peratus pekerja di negara ini mengalami dengan 51 peratus pula menyatakan keseimbangan kerja-hidup buruk sebagai punca utama pada 2022.

Namun, ramai takut berbincang secara terbuka kerana khuatir kesan negatif terhadap kerjaya mereka dan konteks yang sangat luas.

Bagaimanapun, Malaysia berusaha menyeimbangkan pemulihan ekonomi pasca-pandemik dengan keperluan kesihatan psikososial tenaga kerja.

Di sebalik terdapat kemajuan, masih ada jurang besar dalam perlindungan insurans kesihatan psikososial. Insurans kesihatan ditawarkan majikan biasanya mengecualikan perkhidmatan kesihatan psikososial.

Kekurangan perlindungan ini menjadikan pekerja terdedah, terutama ketika memerlukan bantuan profesional untuk menangani kepenatan, kemurungan atau kebimbangan.

Namun, ada syarikat penyedia insurans di negara ini bekerjasama dengan platform kesihatan psikososial digital *ThoughtFull* pada 2022 dan menjadi inisiatif pelan insurans kesihatan psikososial untuk pekerja, sekali gus langkah pertama ke arah memasukkan kesihatan psikososial dalam faedah insurans, menyediakan pekerja dengan akses kepada

terapi dan runding cara.

Usaha lain patut diberi perhatian ialah Program Pertolongan Cemas Kesihatan Psikososial Pekerja oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dilancarkan pada Februari 2024.

Ia menyasarkan latihan kepada 10,000 pekerja untuk memberikan sokongan kesihatan psikososial kepada rakan sekerja melalui intervensi awal.

Walaupun program seperti ini wujud, stigma di tempat kerja terus menghalang pekerja daripada mendapatkan sokongan diperlukan.

Malangnya, terdapat juga isu kesihatan psikososial di tempat kerja menyebabkan kes tragik, termasuk bunuh diri. Walaupun tiada data kebangsaan komprehensif mengaitkan bunuh diri dengan tekanan kerja secara langsung, kita perlu sedar pengurusan kesihatan psikososial tidak cukup tetapi membawa akibat buruk.

Contoh pada 2021, Malaysia mencatatkan lebih 1,100 kes bunuh diri dengan pelbagai punca, tetapi tekanan tempat kerja dilihat sebagai faktor penyumbang signifikan.

Laporan isu psikososial masih kurang

Pakar menyeru kerjasama lebih baik antara majikan, kesatuan sekerja dan kerajaan diadakan untuk menangani krisis semakin meningkat ini. Cuma, kekurangan laporan mengenai isu psikososial, menyukarkan pemahaman mengenai skop sebenar masalah ini.

Sektor penjagaan kesihatan turut menyaksikan kes sangat membimbangkan. Baru-baru ini, kes seorang doktor muda di Sabah meninggal dunia akibat bunuh diri menggemparkan negara, begitu juga kes di Pulau Pinang pada bulan ini yang dipercayai menghadapi buli tidak henti-henti dan tuntutan kerja melampau.

Ini semua mencerminkan keperluan mendesak untuk perubahan sistematik dalam cara tempat kerja menangani kesihatan psikososial. Walaupun kemajuan dicapai dengan perlindungan insurans, program intervensi awal dan inisiatif kerajaan, banyak lagi perlu dilakukan.

Stigma kesihatan psikososial kekal sebagai penghalang utama dan tanpa perubahan budaya serta perlindungan lebih kuat, pekerja akan menanggung penderitaan dalam diam.

Satu inisiatif penting Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) ialah Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial Pekerjaan di Tempat Kerja 2024.

Ia bertujuan memberikan rangka kerja jelas kepada majikan dalam menilai dan mengurus risiko psikososial di tempat kerja.

Inisiatif ini menyedari masalah psikososial tidak boleh diabaikan dan memerlukan pendekatan sistematik membabitkan semua pihak, sekali gus menyediakan panduan praktikal tentang bagaimana majikan boleh mengenal pasti faktor risiko psikososial, menjalankan penilaian risiko dan melaksanakan langkah pencegahan.

Ini termasuk menyediakan sumber dan sokongan diperlukan bagi pekerja mengalami tekanan atau kesulitan psikososial.

Dengan pelancaran garis panduan ini, kerajaan menunjukkan komitmen untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja dan mengurangkan stigma menghalang pekerja daripada mendapatkan bantuan.

Ia diharapkan dapat memperkukuh kerjasama antara majikan dengan pekerja dalam menangani isu psikososial dan memastikan setiap individu di tempat kerja mempunyai akses kepada persekitaran menyokong serta sihat.

60 peratus rakyat guna AI dalam urusan kerja, peribadi

Pekerja muda 18 hingga 24 tahun 50 peratus lebih cenderung guna GenAI secara kerap

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Rakyat Malaysia semakin banyak menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk membantu memudahkan pelbagai perkara membabitkan kerja dan peribadi, demikian menurut platform pekerjaan dalam talian terkemuka di Malaysia, JobStreet.

Laporan *Decoding Global Talent 2024* yang diterbitkan oleh JobStreet By SEEK mendapati, 60 peratus rakyat negara ini menggabungkan AI ke dalam pelbagai aktiviti.

Lebih ketara, 44 peratus rakyat Malaysia menggunakan kecerdasan buatan generatif (GenAI) setiap bulan, melebihi purata global sebanyak 39 peratus dan menyamai purata Asia Tenggara.

GenAI merujuk kepada jenis kecerdasan buatan yang mampu menghasilkan kandungan baharu seperti teks, imej, muzik dan video berdasarkan input atau arahan yang diberikan.

Sektor utama di mana GenAI paling banyak digunakan terma-

suk digitalisasi, sains data & AI (71 peratus), teknologi maklumat (63 peratus) serta sektor pemasaran dan media (60 peratus).

Manakala, penggunaannya masih rendah dalam sektor pengangkutan, logistik dan rantaian bekalan (36 peratus), undang-undang (34 peratus) dan industri perkhidmatan dan hospitaliti (32 peratus).

Pekerja muda berusia antara 18 hingga 24 tahun adalah 50 peratus lebih cenderung menggunakan GenAI secara kerap berbanding mereka yang berumur lebih 45 tahun, sekali gus menonjolkan jurang umur dalam penerimaan teknologi.

Dalam kehidupan peribadi pula, rakyat Malaysia kebanyakannya menggunakan GenAI untuk mengakses maklumat berfakta (58 peratus), pembangunan kemahiran (51 peratus) dan terjemahan bahasa (40 peratus) dengan 37 peratus bergantung pada AI untuk menyelesaikan masalah umum dan mendapatkan nasihat, melebihi purata serantau

dan global.

"Walaupun penggunaan AI semakin meningkat, 40 peratus rakyat Malaysia dan 41 peratus rakyat Asia Tenggara masih tidak biasa dengan GenAI, menunjukkan peluang yang besar untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan," katanya.

Integrasi AI makin pantas

Laporan terkini oleh JobStreet By SEEK itu juga mendapati ketika integrasi AI semakin pantas, 79 peratus profesional di Malaysia menjangka perubahan dalam peranan mereka.

Kira-kira 28 peratus daripadanya menjangkakan transformasi besar yang boleh mengancam keselamatan pekerjaan.

Profesional dalam sektor seperti digitalisasi, AI dan perkhidmatan awam menyuarakan kebimbangan paling tinggi sebanyak 34 peratus.

Manakala, 33 peratus pekerja dalam bidang undang-undang dan kesihatan percaya pekerjaan mereka kekal tidak terjejas

disebabkan keperluan yang lebih rendah untuk penerapan GenAI dalam tugasan.

"Separuh daripada tenaga kerja menjangka keperluan untuk meningkatkan kemahiran, dan 21 peratus menjangkakan perubahan besar dalam pekerjaan yang memerlukan set kemahiran baharu.

"Sebagai tindak balas, 57 peratus profesional terbuka untuk mengikuti latihan semula bagi kekal berdaya saing, manakala hanya lima peratus bimbang pekerjaan mereka mungkin hilang sepenuhnya akibat GenAI," katanya.

Pemangku Pengarah Urusan JobStreet by SEEK, Nicholas Lam, berkata dunia menyaksikan evolusi pesat AI dan cara ia boleh digunakan dalam industri dan peranan tertentu.

Beliau berkata, perkembangan yang sangat menggalakkan melihat ramai rakyat Malaysia sudah mula menggabungkan AI dalam kehidupan peribadi mereka.





ANWAR Ibrahim bersama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid dan Gobind Singh Deo pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Madani 2024 di Sentul Depot, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

Masyarakat India terima pelbagai peruntukan

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI dan NURUL
IRDINA SUMALI
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum terutama masyarakat India yang telah diberikan pelbagai peruntukan dan manfaat.

Menteri Digital, Gobind Singh Deo berkata, ia dibuktikan menerusi peruntukan RM130 juta dalam pelbagai program termasuk pembiayaan perniagaan, kebajikan dan sosial masyarakat India.

"Perdana Menteri menekankan usaha menyelaras keperluan kaum India.

"Begitu juga peruntukan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (Tekun) untuk semua kaum dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) kini diperluaskan kepada

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra) turut meluluskan lebih RM95 juta bagi melaksanakan 11 program pembangunan sosioekonomi."

GOBIND SINGH DEO

masyarakat India," katanya berucap dalam Majlis Rumah Terbuka Deepavali Madani anjuran Kementerian Digital di Sentul Depot di sini, semalam.

Menurut Gobind, selain itu,

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra) turut meluluskan lebih RM95 juta bagi melaksanakan 11 program pembangunan sosioekonomi.

Dalam pada itu, Gobind berkata, kemajuan sosioekonomi rakyat harus bergerak seiring dengan pembangunan negara termasuk dalam aspek digital seperti kecerdasan buatan (AI), semikonduktor dan animasi.

"Dunia digital mampu memberi sinar harapan baharu kepada kita semua. Kementerian Digital komited dalam usaha memperkasa tiga teras utama iaitu infrastruktur, daya tahan digital dan bakat," ujarnya.

Sementara itu dalam majlis sama, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, sambutan menggalakkan orang ramai pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Madani menjadi petunjuk rakyat di negara ini

mampu bersatu hati di bawah satu negara pelbagai bangsa.

Menurutnya, program yang terbuka kepada semua masyarakat itu dapat memupuk semangat perpaduan walaupun berbeza agama, bangsa dan ideologi politik.

Malah katanya, ia menjadi satu kekuatan yang ada pada perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Walaupun ada perbezaan pandangan politik tapi kita boleh memahami (toleransi) agama.

"Malah, kita boleh menyambut bersama dalam suasana yang harmoni, aman damai dan damai. Inilah semangat perpaduan yang kita ingin pupuk di seluruh negara.

"Jadi, kita ambil kesempatan sambutan Deepavali ini untuk merapatkan hubungan silaturahmi sesama kita walaupun berbeza pandangan agama," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 01 NOV 2024

Ringgit diunjur catat penurunan bulanan terburuk sejak 2015

Oleh HENDRA WINARNO
hendrawinarno@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Ringgit diunjur mengalami penurunan bulanan terburuknya dalam tempoh sembilan tahun, apabila pelabur mengecilkan semula aset berisiko di tengah-tengah kebimbangan pilihan raya Amerika Syarikat (AS).

Ringgit susut lebih enam peratus berbanding dolar AS pada Oktober 2024, meletakkannya pada kadar kerugian bulanan terbesar sejak Ogos 2015, kata Oversea-Chinese Banking Corp (OCBC).

Pada Rabu, ringgit didagangkan pada 4.39 sedolar AS.

"Kekuatan dolar AS memberi tekanan berat terhadap wang Asia pada Oktober, akibat peniaga menilai semula kadar pemotongan faedah Rizab Persekutuan AS dan mengelakkan aset berisiko menjelang pilihanraya AS."

Pakar strategi mata wang di OCBC Singapura, Christopher Wong berkata, ringgit merupakan antara yang terjejas kerana pengukuhan sendiri di mana nilainya naik 14 peratus berbanding dolar pada suku terakhir, menjadikannya prestasi terbaik Asia.

"Kenaikan nilai ringgit yang ketara memberi lebih banyak ruang untuk pembetulan."

"Sensitiviti ringgit terhadap Yuan China dan Yen Jepun juga merupakan antara yang tertinggi di rantau ini, ini mampu men-



SEORANG pengurup wang mengira wang kertas ringgit Malaysia sementara pelanggan menunggu di kiosk pengurup wang di Kuala Lumpur. - AFP

jelaskan mengapa ringgit mengalami lebih tekanan daripada mata wang yang lain," katanya.

Yen Jepun adalah satu-satunya mata wang di seluruh Asia yang mencatatkan prestasi lebih buruk daripada ringgit bulan ini, manakala Yuan luar pesisir China telah menyusut sekitar dua peratus berbanding dolar.

Nasib ringgit dalam jangka masa terdekat sebahagiannya

bergantung kepada keputusan pilihan raya AS.

Penganalisis di OCBC dan MUFG Bank turut meramalkan ringgit akan mengukuh jika calon Presiden Demokrat, Kamala Harris dipilih sebagai Presiden.

Katanya, ia akan mengurangkan risiko tarif yang boleh menjejaskan ekonomi di seluruh Asia.

MUFG meramalkan ringgit akan meningkat kepada 4.12 bagi setiap dolar menjelang akhir tahun, manakala OCBC menjangkakan ia meningkat kepada 4.22.

Bagaimanapun, Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid kurang setuju dengan jangkaan tersebut kerana kedua-duanya (Donald Trump

Kekuatan dolar AS memberi tekanan berat terhadap wang Asia pada Oktober, akibat peniaga menilai semula kadar pemotongan faedah Rizab Persekutuan AS dan mengelakkan aset berisiko menjelang pilihanraya AS."

dan Kamala Harris) membawa dasar yang berbeza.

"Donald Trump, dasar beliau lebih cenderung bersifat antagonistik, dengan penggunaan instrumen seperti tarif secara meluas untuk menyokong industri tempatan."

"Apa yang pasti, ketidakstabilan pasaran kini berada pada tahap yang sangat tinggi, menyebabkan permintaan terhadap dolar AS meningkat, memandangkan mata wang tersebut dianggap sebagai mata wang selamat," katanya.

Beliau menganggarkan kadar mata wang tempatan akan berlegar pada RM4.20 berbanding dolar AS menjelang akhir tahun ini.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...0..1...NOV...2024...

PM calls for unity, justice in Deepavali message

KUALA LUMPUR: In the spirit of Deepavali, Malaysians should work towards illuminating their lives with 'light' to replace 'darkness', said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim yesterday.

He said Deepavali conveys that life is more than just merriment; it is also about fighting for justice and a better future.

"All families of various races should come together, as we understand that the spirit of Deepavali symbolises the illumination of light to replace darkness."

"We know this celebration is intended to show that life is more than just food and drink or shared wellbeing..."

"It is also about continuing the struggle for goodness, justice, and a better future."

"May the spirit of Deepavali provide an opportunity for Hindus and others in Malaysia to lead the country to a brighter and more radiant future."

He said this in his speech at the Madani Deepavali open house.

He called on Malaysians to inform the government of any weaknesses or shortcomings so that it can work on improve-

ments, moving from "darkness to light" in the spirit of Deepavali.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said he was happy to see people of various races join in the celebration at Sentul Depot here.

"Light comes after darkness, and we, as a pluralistic society, celebrate Deepavali and other festivals together."

"However, this time, it is organised by the Digital Ministry on behalf of the government."

Communications Minister Fahmi Fadzil said: "This is a positive event, and we can see many people coming together to celebrate in a harmonious atmosphere."

"This is the spirit of unity we wish to foster throughout the nation," he said.

"Let us take this opportunity to strengthen our bonds."

"Although we may have different religious beliefs, ideologies, and political views, we can unite as Malaysians. This is our strength."

Guests joined in the celebrations and enjoyed delicacies as early as 10am.



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and ministers at the Madani Deepavali open house at Sentul Depot, Kuala Lumpur, yesterday. NSTP PIC BY ASWADI ALIAS

Some of the dishes served included panipuri, laddu, cendol, sate and appam.

Several ministers and deputy ministers attended the open house.

They included Plantation and

Commodities Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Digital Minister Gobind Singh Deo, Investment Trade and Industry Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz and Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Johari Abdul.

Also present were Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa, Transport Minister Anthony Loke and Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Ron97, Ron95, diesel prices ^{8mm} unchanged 1/11

KUALA LUMPUR: The retail prices for Ron97 and Ron95 petrol will remain unchanged at RM3.19 and RM2.05 per litre respectively for the period from Oct 31 to Nov 6.

The Finance Ministry said the retail price of diesel in Peninsular Malaysia will stay at RM2.95 per litre while in Sabah, Sarawak and Labuan, it will remain at RM2.15 per litre during the same period.

The price setting is based on the weekly retail prices of petroleum products using the Automatic Price Mechanism formula.

"The government will continue to monitor the trend of world crude oil prices and take appropriate measures to ensure the welfare and wellbeing of the people." - Bernama

THE SUN

Tarikh: 01 NOV 2024